

UMS bakal meterai MoU dengan MBRKK

UB 23/01/20 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia mengikat perjanjian persefahaman (MoU) dengan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu (MBRKK) dalam tempoh terdekat ini untuk memantapkan kerjasama dalam pelbagai bidang yang bersangkutan paut kepentingan masyarakat.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, antara bi-


dang yang dikenal pasti akan berperanan turut memperhebat lagi Pusat Pendidikan khas Akademi QurAnis Al-Mubarak dan Akademi Intervensi Al-Mubarak untuk anak-anak istimewa (Autism, Pekak, Buta, Down syndrome, Dyslexia, dll golongan kelainan upaya (OKU).

“Ini termasuk program Care of Terminally ill (COTI) yang sangat berkesan membantu pesakit kronik di bawah

program Masjid Bandaraya itu,” katanya.

Taufiq menyatakan demikian selepas mendengar taklimat yang diberikan Pengerusi MBRKK Datuk Haji Jamal Tun Haji Sakaran.

Beliau juga melahirkan rasa kagum dengan kerja berpasukan pihak MBRKK yang terbukti dapat mengukuhkan kesepakatan untuk mengeluarkan hasil kerja yang sangat memberangsangkan.



TAKLIMAT: Taufiq mendengar taklimat disampaikan Jamal.